

Tragedi Lahad Datu bukti jasa pasukan keselamatan

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Persembahan yang menyentuh hati oleh sekumpulan pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenai peristiwa hitam Lahad Datu pada 2013 membuktikan pengorbanan pasukan keselamatan yang sanggup berkorban nyawa dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Tragedi pencerobohan yang berlaku 10 tahun lalu itu dilakukannya semula dalam bentuk pantomim oleh 80 anggota polis, yang kebanyakannya terabit operasi pengusiran kumpulan penceroboh yang mendakwa pewaris berketurunan 'Raja Sulu' dari selatan Filipina di Kampung Tanduo, Lahad Datu.

Lebih menyedihkan, apabila tiga anak kepada Allahyarham Asisten Superintenden, Zulkifli Mamat, pegawai polis yang terkorban dalam tragedi berdarah iaitu Mohd. Akmal Amuruddin, 15; Noor Muhammad Aqil, 11, dan Noor Aqib Syahid, 10, turut membuat kemunculan dalam



ANWAR Ibrahim mengesat air mata ketika menyaksikan pantomim Ops Daulat sempena peringatan 10 tahun insiden pencerobohan Kampung Tanduo di Lahad Datu, Sabah di Pulapol, semalam.

persembahan itu.

Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang julung kalinya berkenan berangkat ke istiadat perbarisan turut kelihatan sebak manakala Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat menitikkan air mata menyaksikan pantomim itu.

Persembahan selama 30 minit secara penuh bermakna

dan beremosi di dataran kawad Pusat Latihan Polis (Pulapol) di Jalan Semarak itu diakhiri melalui deklamasi puisi yang padat dengan mesej pengorbanan nyawa dan tumpahan darah semata-mata memastikan kedaulatan negara terjamin.

Anwar menerusi hantaran di Twitternya semalam berkata, beliau menghargai jasa dan pengorbanan PDRM dalam men-

jaga keamanan dan kedaulatan negara.

Tegas beliau, mana-mana tindakan melampau dan mengganggu-gugat keamanan pastinya akan ditangani sebaiknya PDRM demi kestabilan semua.

"Saya tidak dapat menahan sebak sewaktu persembahan pantomim yang mengimbau kenangan tragedi berdarah pencerobohan di Kampung Tanduo, Lahad Datu, 10 tahun lalu.

"Jasa pegawai dan anggota terkorban ketika tragedi detik hitam dalam sejarah negara itu sentiasa terpahat dalam ingatan," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, rakyat harus bersyukur atas kemakmuran dikecapi hari ini hasil pengorbanan perwira negara yang terdahulu.

Kata beliau, pengorbanan setiap pejuang tanah air terutama anggota pasukan keselamatan, adalah demi memastikan kedaulatan setiap inci bumi Malaysia kekal terpelihara.